

'Melayu perlu lonjakan berganda'

BH - 4/9/2006

KUANTAN: Datuk Seri Najib Razak berkata, orang Melayu perlu melakukan lonjakan berganda dalam pelbagai bidang bagi memastikan mereka dapat terus bersaing dalam menghadapi persaingan global yang semakin kompetitif.

Timbalan Perdana Menteri berkata, bangsa Melayu perlu berani berdepan dan menyahut cabaran fenomena globalisasi, persaingan kompetitif, dunia tanpa sempadan dan ledakan teknologi maklumat untuk mencapai kecemerlangan.

"Kita kena lihat bagaimana kita boleh maju dengan pencapaian yang bukan lagi hanya secara berperingkat-peringkat, sebaliknya memerlukan pencapaian secara lonjakan berganda.

"Lonjakan berganda bererti perubahan yang luar biasa dan pencapaian yang mendadak. Contohnya, kalau kita pengusaha kecil, kita perlu membekal kepada pasar raya besar yang membuat tempahan bagi produk kita," katanya selepas merasmikan Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Paya Besar, di sini, semalam.

Turut hadir Ketua Umno Bahagian Paya Besar, Datuk Ahmad Tajuddin Sulaiman, barisan kepimpinan Umno bahagian berkenaan serta wakil Badan Perhubungan Umno Pahang.

Ditanya persediaan bangsa Melayu dalam memperoleh pencapaian sedemikian, Najib yang juga Timbalan Presiden Umno, berkata, kerajaan sudah meletakkan asas pembangunan infrastruktur, menyediakan peluang ekonomi serta pendidikan.

Katanya, untuk menjurus kepada Wawasan 2020 sebagai bangsa maju, orang Melayu perlu tumpu kepada



NORDIN ABDULLAH | BERITA HARIAN

SAMPAI AMANAT: Najib ketika berucap pada majlis perasmian Mesyuarat Perwakilan Umno Bahagian Paya Besar, Kuantan semalam.

“ Kita kena tumpu pembangunan modal insan terutama dari segi keupayaan berfikir mentaliti kelas pertama ”

Najib Razak
Timbalan Perdana Menteri

pembangunan minda kerana ia menjadi penentu sama ada mereka boleh berjaya maju atau sebaliknya.

"Ia juga bermakna kita kena tumpu kepada pembangunan modal insan terutama dari segi keupayaan berfikir dengan apa yang kita sebut sebagai mentaliti kelas pertama serta menggunakan minda untuk berfikir secara strategik untuk masa depan.

"Saya akui ini satu proses yang tidak boleh berlaku secara mengejut dan Umno perlu menjadi pemangkin dan pencetus kepada perubahan kepada mentaliti serta nilai kita," katanya.

Ditanya adakah langkah pemberian subsidi perlu dihapuskan untuk membolehkan Melayu mencapai hasrat menjadi bangsa maju, Najib berkata, perkara itu tiada kaitan dengan soal subsidi.

"Dalam konteks tertentu, subsidi perlu diteruskan. Apa yang kita maksudkan ialah kemampuan berfikir dan kekuatan minda perlu diberi tumpuan kerana dengan kekuatan minda kita boleh berdepan cabaran dengan yakin," katanya.

Beliau turut mengakui cara menguruskan diri akan dinilai oleh orang lain sama ada kita adalah bangsa yang mempunyai ketinggian nilai tamadun atau sebaliknya.

Terdahulu dalam ucapannya, Najib berkata, untuk menjadi parti yang berjaya, Umno tidak seharusnya terus mempertahankan status quo, sebaliknya berusaha menjadi pencetus dan pemangkin kepada perubahan minda bangsa Melayu.

"Negara kita sekarang mempunyai pendapatan perkapita yang tinggi. Kalau kita dapat pertahankan pertumbuhan ekonomi pada tahap enam peratus dalam tempoh 15 tahun lagi, kita akan muncul jadi negara maju.

"Persoalannya bagaimana nasib bangsa Melayu. Bagaimana perubahan bangsa Melayu dalam melalui proses perubahan ekonomi makro. Kita tak mahu Melayu ketinggalan kerana jika ini berlaku kita tak dapat membawa perubahan yang dicita-cita itu," katanya.

Justeru, beliau berkata, Umno mesti menjadi penggerak dan pencetus perubahan minda bangsa Melayu jika mahu terus menjadi parti yang berjaya, terus relevan dan cemerlang.